



NAMA : \_\_\_\_\_ KELAS : \_\_\_\_\_ TARIKH : \_\_\_\_\_

LATIHAN CUBA INI ( BT/MT 5/MS 109 )

1. Padankan perkataan dengan maksudnya.

Simpanan

Sejumlah wang yang diterima setelah seseorang menyimpan wang di bank dalam tempoh tertentu.

Pelaburan

Kemudahan menanggunghkan pembayaran barangan yang dibeli atau sejumlah wang yang dipinjamkan oleh institusi kewangan.

Faedah Mudah

Wang yang disimpan atau dimasukkan dan digunakan apabila perlu.

Faedah Kompaun

Wang yang digunakan untuk perniagaan tertentu yang memberikan keuntungan.

Kredit

Pinjaman yang perlu dibayar oleh seseorang.

Hutang

Faedah yang diterima daripada wang simpanan dan faedah yang terkumpul setiap tahun.

2. Baca dan jawab soalan

|    |                                                                                                                                                       |  |
|----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|
| a. | Vikson boleh menyimpan dan mengeluarkan wangnya dengan mudah. Apakah jenis akaun Vikson?                                                              |  |
| b. | Jagdeep menyimpan wang dan menerima keuntungan dalam bentuk dividen. Namakan jenis akaun Jagdeep.                                                     |  |
| c. | Angeline tidak mengeluarkan wang simpanannya dalam tempoh tiga tahun. Namakan faedah yang diterima daripada wang simpanan yang tidak dikeluarkan itu. |  |

3. Tulis TUNAI untuk pembelian secara tunai dan KREDIT untuk pembelian secara kredit.

|                                                                    |  |
|--------------------------------------------------------------------|--|
| 1. Tidak berhutang                                                 |  |
| 2. Bayaran yang menggunakan kad kredit dan ansuran secara bulanan. |  |
| 3. Dikenakan faedah.                                               |  |
| 4. Membayar harga asal                                             |  |